

INSTITUSI WAKAF: SEJARAH DAN AMALAN MASA KINI oleh Razali Othman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2018. Halaman 195. ISBN 978-983-46-1398-3.

Institusi Wakaf: Sejarah dan Amalan Masa Kini merupakan sebuah buku yang ditulis hasil daripada cetusan pengalaman dan penglibatan penulis dalam institusi wakaf. Buku ini menghimpunkan enam bab yang memfokuskan pengenalan wakaf sehingga aplikasi penggunaan wakaf masa kini. Bab pertama memperkenalkan hukum dan pensyariatan amalan berwakaf menurut al-Quran dan hadis Nabi SAW. Bab kedua pula merungkai asal usul wakaf pada zaman sebelum kedatangan Islam, pengaruh tamadun luar terhadap institusi wakaf, dan jawapan terhadap dakwaan bahawa wakaf telah wujud daripada inspirasi dan teori-teori dari negara asing. Bab ketiga membahaskan peranan dan sumbangan institusi wakaf terhadap pembangunan ummah dengan mengemukakan pelbagai contoh pembangunan yang telah dilakukan dengan menggunakan sumber wakaf di serata dunia. Bab keempat pula merungkai bibit-bibit kejatuhan institusi wakaf akibat penjajahan dan serangan kuasa Barat serta keadaan wakaf pada era pasca penjajahan. Bab kelima membincangkan mekanisme wakaf tunai sebagai alternatif untuk membangunkan semula institusi wakaf masa kini. Akhir sekali, bab keenam menghuraikan keperluan strategi pemasaran untuk meningkatkan penyertaan pewakaf dalam institusi wakaf dengan memaparkan pelbagai contoh model pemasaran wakaf.

Pensyariatan dan Prinsip Asas Pewujudan Wakaf

Pelbagai definisi wakaf telah dikemukakan oleh penulis. Secara umumnya, wakaf ialah menahan sesuatu harta yang boleh dimanfaatkan secara kekal serta terputus hak pengurusan harta tersebut daripada pemilik asal untuk tujuan tertentu. Pensyariatan wakaf telah bermula sejak 1400 tahun yang lalu dan diperakui oleh al-Qur'an dan hadis serta diperkukuhkan lagi dengan ijmak ulama'. Penulis mengemukakan dua kisah penting yang menjadi motivasi ke arah pemeraksanaan institusi wakaf. Kisah pertama adalah kisah Abu Talhah yang mewakafkan kebun kurma Bairaha di Madinah setelah beliau mendengar ayat al-Qur'an yang menekankan kepentingan menginfakkan harta yang paling disayangi. Kisah kedua pula adalah mengenai Umar al-Khattab yang mewakafkan tanah di Khaibar untuk tujuan kebajikan. Lantaran itu, penulis menyimpulkan bahawa amalan berwakaf telah disyariatkan sebagai asas untuk mendekati diri serta mendapatkan keredhaan daripada Allah SWT.

Institusi wakaf tergolong dalam sektor ijtima'i kerana institusi tersebut hanya masyhur setelah para ulama' mengkaji ayat al-Qur'an dan hadis lalu membuat keputusan untuk menetapkan hukum amalan berwakaf dalam bentuk ijtihad. Namun begitu, wakaf tetap bersandarkan kepada prinsip tauhid dan syariat iaitu dengan menganggap perbuatan mewakafkan harta adalah suatu kaedah untuk mendekati diri kepada Allah SWT di samping melakukan amal kebajikan untuk meraih keredhaan daripada Allah SWT. Untuk mengesahkan amalan wakaf tersebut, para ulama' menggariskan empat rukun yang perlu dipenuhi iaitu pewakaf, harta yang diwakafkan, penerima wakaf, dan lafaz akad wakaf. Setiap rukun tersebut perlu memenuhi syarat-syarat tertentu supaya amalan wakaf dapat dilakukan dengan sempurna dan mendapat ganjaran yang berkekalan di akhirat.

Wakaf terbahagi kepada tiga jenis iaitu wakaf am yang berperanan untuk tujuan kebajikan umum mengikut penggunaannya, wakaf keluarga untuk diri pewakaf dan diikuti oleh anak-anaknya serta untuk tujuan kebajikan, dan wakaf gabungan yang menghimpunkan wakaf am dan wakaf keluarga dengan tujuan untuk membantu keluarganya dan orang lain yang telah ditentukan. Semua jenis wakaf ini perlu mematuhi tiga prinsip yang menjadi asas kepada wakaf yang sah iaitu bersifat muktamad, mempunyai kekekalan, dan tidak boleh dipindah

milik. Prinsip muktamad bermaksud pewakaf menamatkan hak pemilikan harta secara putus dan bertukar menjadi milik Allah SWT sehingga hari kiamat. Prinsip kekekalan bererti harta tersebut hendaklah bersifat kekal dan tidak mudah rosak. Prinsip tidak boleh dipindah milik bermakna harta tersebut tidak boleh dijual, digadai, diwariskan, mahupun dijadikan hadiah.

Pengurusan harta wakaf diuruskan oleh pihak yang dikenali sebagai nazir atau *mutawalli*. Mereka dilantik sebagai pengurus terhadap harta yang diwakafkan oleh pewakaf. Pengurus bertanggungjawab untuk memastikan harta tersebut dapat diuruskan dengan sebaiknya supaya penerima manfaat wakaf dapat menerima manfaat tersebut serta pewakaf memperoleh ganjaran yang berkekalan di akhirat. Seorang yang dilantik sebagai *mutawalli* perlu memenuhi syarat-syarat tertentu seperti baligh, berakal, adil, boleh dipercayai, dan mampu menyelenggarakan hal ehwal wakaf. *Mutawalli* berhak menerima ganjaran atau upah khas daripada tabung wakaf setimpal dengan tugas yang dipikul. Walau bagaimanapun, *mutawalli* boleh dilucutkan lantikan sekiranya meletakkan jawatan atau dipecat kerana sebab-sebab tertentu.

Sejarah dan Asal Usul Institusi Wakaf

Wakaf telah wujud sebelum kedatangan Islam secara maknawi iaitu ketika rumah-rumah ibadah digunakan untuk tujuan beribadah di dalamnya. Tambahan pula, masyarakat pada zaman sebelum kedatangan Islam dan masyarakat Arab Jahiliah telah mengamalkan pemberian dalam bentuk sumbangan untuk tujuan kebajikan. Pengaruh luar terhadap institusi wakaf bermula daripada dua kerajaan silam iaitu Byzantin dan Rom pada abad ke-19 yang mengamalkan perundangan yang dikatakan menyerupai wakaf keluarga. Namun begitu, terdapat perbezaan yang ketara antara sistem perundangan Byzantin dan Rom dengan wakaf keluarga dari segi harta yang digunakan, kelulusan untuk memiliki harta tersebut, dan pengurusan harta itu sendiri.

Selain itu, sistem perundangan yang dikenali sebagai *fidulcommisum* juga turut dikatakan menyerupai wakaf keluarga dari segi penyerahan harta kepada keluarga dalam tempoh tertentu. Walaupun begitu, sistem tersebut juga mempunyai perbezaan yang ketara dari segi penerima manfaat harta wakaf dan proses pemindahan harta itu sendiri. Justeru, dakwaan bahawa amalan wakaf berasal dari negara asing adalah bersifat luaran dan longgar serta tidak dapat diterima. Hal ini kerana pada hakikatnya institusi wakaf diambil daripada teori yang bersandarkan al-Qur'an dan hadis Nabi SAW. Kegagalan dakwaan tersebut membuatkan sarjana Barat memperkenalkan teori *trust* dalam perundangan Inggeris yang mensyaratkan supaya pemilik harta menyerahkan hak pemilikan tersebut kepada pihak ketiga sebagai pemegang amanah. Teori tersebut juga dikatakan menyerupai perundangan wakaf dari segi fungsi dan alat perundangannya. Namun, tidak ada bukti yang jelas bahawa wakaf berasal dari tamadun luar menurut kebanyakan sarjana kontemporari.

Pelbagai hujah dikemukakan bagi menangkis dakwaan tersebut seperti kewujudan institusi wakaf yang lebih awal di negara-negara Islam sejak 500 tahun sebelum perundangan Inggeris diperkenalkan. Dalam perundangan Inggeris, harta diserahkan kepada pemegang amanah sebagai pemilik kepada *trust* sedangkan dalam perundangan wakaf, harta diserahkan kepada *mutawalli* yang tidak menjadi pemilik seterusnya. Selain itu, ramai sarjana yang menganggap bahawa amalan berwakaf memang berasal daripada amalan masyarakat Arab dan bukan sebagaimana kebanyakan sarjana yang mendakwa bahawa amalan tersebut datang daripada budaya Rom yang diserap masuk ke dalam perundangan Islam. Oleh itu, pertikaian terhadap amalan berwakaf yang dipercayai dipinjam daripada perundangan Rom dapat ditangkis

kerana tiada bukti kukuh yang boleh menghubungkan antara kedua-dua perundangan tersebut.

Peranan dan Sumbangan Institusi Wakaf dalam Pembangunan Sosioekonomi Ummah

Penulis menganggap fenomena seperti kemiskinan, kemelantaran, dan ketidaksamarataan merupakan suatu kekurangan yang perlu ditangani dengan menyuburkan amalan berwakaf dalam kalangan masyarakat secara umumnya. Keunikan amalan wakaf ini bukan sahaja terletak kepada prinsip perkongsian harta, malah sebagai pemangkin kepada pembangunan ummah. Sejarah telah merakamkan pelbagai peristiwa yang membuktikan peranan dan sumbangan wakaf ke arah membangunkan sosial masyarakat. Menariknya, peninggalan sumber-sumber yang berasal daripada entiti wakaf dikatakan dapat bertahan lebih lama sehingga mencecah lebih 1000 tahun hasil daripada gabungan sistem penyelenggaraan tradisional dengan teknik pembinaan struktur kejuruteraan yang moden. Di samping itu, pelbagai peranan dan jawatan turut dimainkan untuk menyempurnakan pembangunan sesuatu infrastruktur melalui sumber wakaf.

Penulis telah mengemukakan pelbagai contoh sumbangan wakaf terhadap kemudahan asas bagi seorang manusia. Antaranya, Puteri Siti Zubaidah telah mengusahakan pembinaan jalan raya yang menghubungkan antara Baghdad dengan Mekah dengan menggunakan sumber wakaf. Selain itu, perbandaran Turki telah dibangunkan melalui pembinaan bangunan yang dipanggil kompleks yang menggabungkan tiga bahagian yang berlainan. Bahagian pertama terdiri daripada rumah ibadat, rumah warga tua, hospital, fasiliti pendidikan, perpustakaan, rumah tetamu, pusat pengedaran makanan, perkhidmatan air awam, dan tanah-tanah perkuburan. Bahagian kedua pula menggabungkan bangunan-bangunan perniagaan seperti kedai, perkhidmatan mandian Turki, *bazaar*, pasar tertutup, dan rumah penginapan untuk pedagang. Bahagian ketiga pula menempatkan bangunan-bangunan untuk dijadikan kediaman penduduk di sekeliling bahagian pertama.

Selain daripada penyediaan kemudahan infrastruktur, sejarah telah membuktikan bahawa kegemilangan dalam sistem pendidikan turut dikaitkan dengan institusi wakaf yang tidak dapat dipisahkan dalam dunia Islam. Pembangunan insan bermula dengan pembinaan Masjid Quba' pada zaman Rasulullah SAW sebagai institusi pendidikan yang paling awal. Selepas Masjid Quba', Masjid Nabawi telah dibina melalui pembelian tanah bernilai 1000 dirham. Institusi pendidikan terus berkembang sehingga zaman kerajaan Bani Umayyah dengan penubuhan madrasah melalui sumber wakaf oleh pembesar dan pemerintah kerajaan. Pada zaman Bani Abbassiyah, Ayyubiyah, dan Uthmaniah, ribuan buah sekolah, madrasah, perpustakaan, dan universiti dibina melalui sumber wakaf.

Sektor kesihatan juga turut dibangunkan dengan menggunakan sumber wakaf sejak zaman keagungan Islam melalui pembinaan hospital secara umumnya. Pembinaan tersebut menjadi ikutan kepada pembinaan hospital moden dengan menggunakan sumber endowmen seperti pembinaan Hospital Johns Hopkins di Amerika Syarikat dan Hospital St. Mary di London. Sejarah merekodkan hospital tidak wujud sebelum kedatangan Islam, malah hanya menggunakan rumah tumpangan yang disambung dengan rumah ibadat sebagai tempat mendapatkan rawatan. Selain itu, masyarakat menggunakan kaedah dispensari bergerak untuk merawat pesakit sebagaimana yang berlaku pada zaman berlakunya Perang Khandaq. Kaedah dispensari bergerak terus berkembang pada zaman Sultan Seljuq Muhammed Saljuqi yang menggunakan unta untuk mengangkut kemudahan perubatan. Kemudian, bangunan

tetap hospital mula diwujudkan pada abad ke-8M serta pusat rawatan kecemasan mula dibina di bandar-bandar utama serta kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan masyarakat.

Penjajahan Kuasa Barat dan Implikasinya

Kehebatan institusi wakaf sejak 1000 tahun yang lalu mula terhakis pada awal abad ke-19 ekoran daripada dasar penjajahan Barat. Penerapan nilai sekularisme di negara-negara Islam oleh penjajah Barat telah mengundang kepada kemerosotan institusi wakaf. Dasar penjajahan yang dilakukan adalah secara terancang dan disusun rapi dengan menghapuskan kegemilangan institusi wakaf itu sendiri. Sebagai contoh, dasar penjajahan Perancis ke atas Algeria dimulai dengan penaklukannya lalu mengambil tindakan dengan memansuhkan undang-undang Islam yang mengawal dasar pentadbiran dan menggantikannya dengan undang-undang Awam Perancis. Selain itu, Perancis turut melakukan pindaan terhadap dasar-dasar yang berkaitan dengan wakaf serta merampas tanah-tanah wakaf daripada warganya. Sementara itu, kejatuhan kerajaan Bani Uthmaniah menjadi kemuncak kepada keruntuhan institusi wakaf terutamanya ketika pemerintahan Mustapha Kamal Atatürk dengan menjadikan penghapusan institusi wakaf sebagai manifesto pilihan raya umum.

Setelah Barat menjajah beberapa buah negara termasuk negara-negara Islam dan akhirnya diberikan kemerdekaan, institusi wakaf masih mempunyai pendirian yang negatif terutamanya daripada pemimpin-pemimpin baharu. Keadaan tersebut dilakukan dengan menghapuskan harta wakaf, memiliknegerakan dan mengagihkannya melalui reformasi tanah. Penghapusan tersebut mendapat sokongan daripada pemimpin-pemimpin Barat yang menganggapnya sebagai suatu usaha untuk membentuk ekonomi pasaran tanah dan harta persendirian. Di samping itu, pemimpin-pemimpin baharu juga menggunakan pendekatan menghalang penggunaan teknik perundangan silam Islam untuk membangunkan semula sistem wakaf. Usaha ini menyebabkan institusi wakaf dianggap sebagai institusi yang tidak mempunyai potensi untuk membangunkan sosioekonomi ummah. Ini dapat disimpulkan bahawa dasar-dasar penjajahan Barat bertujuan untuk mengambil kesempatan daripada hubungan perdagangan sebagai kaedah untuk menjajah negara-negara lain.

Malaysia juga tidak terlepas daripada cengkaman penjajah yang turut memberi kesan kepada institusi wakaf. Sebagai contoh, Pulau Pinang yang dikuasai oleh Francis Light menggunakan undang-undang Inggeris untuk melenyapkan institusi wakaf. Kebanyakan kes yang berkaitan dengan institusi wakaf sering mengenyahkan undang-undang Islam berbanding undang-undang Inggeris. Campur tangan turut berlaku di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Undang-undang Islam telah digantikan dengan undang-undang Inggeris melalui sistem Residen British yang dilantik sebagai penasihat sultan kecuali dalam hal-hal adat resam dan agama orang Melayu. Namun, terdapat bukti yang menunjukkan wujudnya campur tangan yang melibatkan wakaf. Ini menyebabkan banyak tanah wakaf dibatalkan sebagaimana yang berlaku di Johor, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Walaupun wakaf termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Negeri-negeri dan Senarai 11, Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan, namun wakaf masih dianggap sebagai sebahagian daripada amanah yang tertakluk di bawah Akta Pemegang Amanah 1949. Setelah Malaysia mencapai kemerdekaan, amalan berwakaf masih dilaksanakan dan diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri yang dilantik sebagai Pemegang Amanah Tunggal Harta Wakaf. Pemimpin-pemimpin juga telah meneruskan polisi dan dasar yang ditinggalkan oleh British berkaitan urusan pentadbiran wakaf. Harta-harta wakaf yang sedia ada tidak diurus dengan baik kerana wakaf hanya dikaitkan dengan perkara-perkara tertentu seperti tanah perkuburan, masjid, dan sekolah-sekolah agama sahaja. Cabaran yang dihadapi

dalam meneruskan institusi wakaf ini adalah seperti perundangan wakaf yang tidak lengkap, kelemahan sistem penyimpanan maklumat, kekurangan kakitangan terlatih, dan masalah sumber kewangan. Kesannya, harta wakaf tidak produktif dan menjadi bebanan untuk diuruskan dan dibangunkan. Hal ini menunjukkan walaupun umat Islam telah terlepas daripada penjajahan secara politik, namun pandangan mereka masih dikongkong oleh penjajah.

Wakaf Tunai: Mekanisme Pembangunan Semula Institusi Wakaf Masa Kini

Tindakan penjajah yang menggubal dasar-dasar pentadbirannya telah meninggalkan kesan yang cukup besar dalam amalan berwakaf. Namun, terdapat usaha-usaha dilakukan untuk memartabatkan kembali institusi wakaf setelah negara mencapai kemerdekaan. Antaranya, mempertimbangkan semula pembangunan wakaf khairi dan wakaf ahli dalam dunia kontemporari Islam. Selain itu, wakaf turut menjadi mekanisme untuk membudayakan amalan menderma dalam Islam. Dalam usaha untuk membangunkan dan memperkasakan semula institusi wakaf ini, terdapat tiga pendekatan yang perlu diaplikasikan khususnya di negara-negara Islam, iaitu usaha untuk memantapkan semula organisasi, memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan institusi wakaf sebagai sumber pembiayaan dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat, dan membangunkan semula harta-harta wakaf yang sedia ada serta mewujudkan wakaf-wakaf baru.

Namun begitu, keinginan dan kesungguhan untuk memartabatkan semula institusi wakaf ini telah mengundang pelbagai isu dan cabaran yang perlu dihadapi. Antaranya adalah seperti isu memahami penafsiran wakaf secara menyeluruh kerana masyarakat melihat wakaf hanya pada perkara yang melibatkan ibadah khusus seperti masjid, surau, tanah perkuburan, dan sekolah agama. Selain itu, masalah harta yang diwakafkan pula melibatkan harta wakaf yang tidak alih sehingga berlakunya pelbagai kekangan seperti isu pendaftaran dan pangkalan data, ciri-ciri fizikal, dan pencerobohan tanah oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Dalam hal yang berkaitan, masalah sumber kewangan turut mengekang institusi wakaf daripada berkembang kerana pendapatan yang diperolehi adalah terlalu kecil berbanding dengan perbelanjaan yang ditanggung. Masalah pengurusan wakaf turut menjadi isu yang paling kritikal kerana melibatkan isu kekurangan pengurusan sumber manusia dan masalah perakaunan wakaf yang tidak dibangunkan secara teratur.

Cabaran-cabaran yang dihadapi ini menuntut suatu inisiatif ke arah memperkenalkan mekanisme wakaf yang lebih inovatif, kreatif dan berdaya maju. Usaha tersebut telah membawa satu evolusi daripada konsep asal wakaf yang bersifat harta kekal kepada konsep harta alih termasuk penggunaan wakaf tunai. Penggunaan ini adalah sama seperti konsep asal wakaf iaitu harta tersebut mestilah berkeupayaan menjana pendapatan bagi menyokong dan membantu penerima yang telah ditetapkan oleh pewakaf. Sifat wakaf tunai yang mempunyai nilai kecairan yang tinggi, mudah diurus, dan boleh menjangkau pelbagai golongan masyarakat telah diterima sebagai kaedah berwakaf yang sangat popular pada masa kini.

Terdapat banyak contoh perkembangan wakaf tunai di negara-negara Islam. Antaranya adalah seperti Bangladesh yang memperkenalkan sijil wakaf tunai untuk mentransformasikan dana sosial kepada modal sosial bagi mempertingkatkan kesejahteraan ummah. Selain itu, wakaf tunai di Indonesia telah dilaksanakan setelah Majlis Ulama' Indonesia mengeluarkan fatwa membenarkan wakaf tunai dalam bentuk wang kertas. Wakaf tunai juga turut menjadi pilihan di negara-negara Timur Tengah seperti Kuwait, Arab Saudi, Morocco, Turki, Syria, Mesir, Bahrain, UAE, Pakistan, dan Uzbekistan. Di samping itu, wakaf tunai turut

diaplikasikan di negara-negara bukan Islam seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Singapura, India, Afrika Selatan dan China. Malaysia juga mengembangkan institusi wakaf tunai melalui pelbagai institusi seperti jabatan-jabatan kerajaan, badan berkanun, dan badan bukan kerajaan.

Institusi Wakaf: Keperluan Strategi Pemasaran

Masyarakat Islam hari ini masih belum menyedari kepentingan institusi wakaf sebagai sumber pembiayaan terpenting dalam pembangunan sosioekonomi serta sumbangan yang pernah dimainkan sepanjang pemerintahan kerajaan Islam. Lantaran itu, teknik pemasaran diperlukan bagi mencapai objektif dan matlamat ke arah pembangunan institusi wakaf sebagaimana yang dilakukan oleh organisasi perniagaan. Pemasaran dilakukan untuk mengenal pasti dan memahami keperluan dan kehendak pengguna supaya barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dapat memenuhi keperluan mereka. Jualan atau pengiklanan dalam sebuah organisasi hanyalah merupakan sebahagian kecil daripada keseluruhan konsep pemasaran. Oleh itu, pemasaran berfungsi menghubungkan organisasi dengan persekitaran luaran dengan.

Pemasaran yang melibatkan institusi wakaf ini boleh diklasifikasikan sebagai pemasaran perkhidmatan yang memerlukan hubungan jangka panjang dengan pengguna. Kaedah ini merupakan strategi yang paling sesuai bagi organisasi bukan perniagaan khususnya yang melibatkan aspek kesukarelawanan, keagamaan, dan kebajikan. Hubungan jangka panjang ini dapat diaplikasikan melalui pendekatan Model Segi Tiga Pemasaran Perkhidmatan (SPP) yang disasarkan kepada tiga pasaran yang berbeza iaitu organisasi, pekerja, dan penyumbang. Model yang dipandu oleh tiga aspek pemasaran iaitu pemasaran dalaman, pemasaran luaran, dan pemasaran interaktif akan dipandu untuk membentuk strategi pemasaran dalam menyediakan satu kerangka bagi tujuan pelaksanaan pengurusan yang berkesan. Pelaksanaan pengurusan melalui aplikasi SPP akan dapat meningkatkan kefahaman, keyakinan, dan kepercayaan dalam kalangan penyumbang sektor perkhidmatan.

Model SPP ini perlu dinilai dari sudut tasawwur Islam dengan berteraskan empat sumber utama iaitu al-Qur'an, hadis, ijmak dan qias. Model SPP berteraskan Islam akan dibentuk sebagai strategi jangka panjang untuk membangunkan institusi wakaf. Ketiga-tiga elemen asas dalam Islam iaitu akidah, syariah, dan akhlak diperlukan untuk memperkasakan kerangka pemasaran yang jitu dan harmonis. Akidah merupakan konsep yang tertinggi dalam Islam yang menuntut supaya meneguhkan hubungan manusia dengan Allah dan hubungan sesama manusia. Pemasaran berasaskan Islam dapat didefinisikan sebagai satu proses dan aktiviti pewujudan, komunikasi, pertukaran dan penyampaian tawaran produk yang mempunyai nilai kepada pengguna yang bersandarkan sifat tauhid dengan matlamat untuk mendapatkan keredhaan daripada Allah SWT. Ini sekaligus memperlihatkan amalan berwakaf sebagai manifestasi untuk memelihara hubungan manusia dengan penciptanya.

Komponen yang penting dalam model SPP ini adalah alat komunikasi pemasaran yang menggabungkan pemasaran dalaman, pemasaran luaran, dan pemasaran interaktif. Bagi institusi wakaf pula, rangka kerja pemasaran Islam berperanan menukarkan campuran pemasaran lazim yang melibatkan produk, harga, pengedaran, dan promosi, kepada campuran pemasaran Islam yang melibatkan prinsip syariah, perkhidmatan, perkongsian tanggungjawab, hubungan pengedaran dan logistik, dan rangkaian sosial komunikasi dan promosi. Berdasarkan penilaian semula inilah, maka model SPPI dapat dibentuk daripada elemen dalam komponen SPP. Inti kepada model SPPI ini adalah falsafah pemasaran yang

bertunjangkan akidah. Elemen syariah dan akhlak pula bertindak sebagai garis panduan kepada pemain dan alat pemasaran dalam memastikan keseluruhan aktivitinya mengikut syariah yang ditetapkan oleh sumber hukum dalam agama.

Buku ini menerangkan secara terperinci pengenalan amalan berwakaf serta pelaksanaan masa kini. Perkara ini merupakan asas yang penting dalam memahami amalan berwakaf dalam konteks agama dan konteks realiti yang menjadi pengetahuan yang amat berguna buat pembaca. Sebagai umat Islam yang ingin berlumba-lumba melakukan amalan kebaikan dan ingin mendapatkan ganjaran yang berkekalan, buku ini adalah sesuai dijadikan bahan asas buat pembaca kerana penulis menggunakan gaya bahasa yang mudah difahami dan disertai dengan pelbagai sumber rujukan untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut dan terperinci.

Muinnudin Mohd Kamal

Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan

Universiti Putra Malaysia.